

# **Wadah**

## **MAIPk**



مجلس اسلامی  
دان عادت ملبو فیراف

**17 SYARIKAT SERAH ZAKAT  
PERNIAGAAN KEPADA  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK  
DARUL RIDZUAN**

**MAJLIS  
PELANCARAN  
PROGRAM MASJID  
ANGKAT DAN  
PENYERAHAN  
WAKALAH ZAKAT  
MAYBANK ISLAMIC**



**SKIM DERMASISWA LUAR NEGARA MAIPk  
LAHIRKAN PELAJAR CEMERLANG**

# PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

## PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN RM7.8 JUTA PADA 6 DISEMBER 2021



Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad, Datuk Ir. Baharin bin Din mewakili syarikat menyerahkan zakat RM6,095,402.30.

Ahli Jawatankuasa Syariah Etiqa Family Takaful Berhad dan Etiqa General Takaful Berhad, Dr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman mewakili syarikat menyerahkan zakat RM775,000.00.



Pengerusi Kumpulan FGV Holdings Berhad, Dato' Dzulkifli bin Abd Wahab mewakili syarikat menyerahkan zakat RM577,752.30.

Pengerusi Jabatan Perkhidmatan Awam negeri Perak, Tn. Hj. Mohd Rosli Hj. Basri mewakili Angkatan Koperasi Kebangsaan (M) Berhad menyerahkan zakat RM221,105.20.



Ketua Perkhidmatan dan Pengurusan Korporat Gitn Sdn. Bhd., Pn. Norfaizah binti Mohd Puad mewakili syarikat menyerahkan zakat RM140,000.00.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tn. Shahrul Azam bin Shaari menerima serahan cek zakat daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

# PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

**PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN RM6.42 JUTA PADA 10 DISEMBER 2021**



Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Dato' Haji Zamri bin Yaakob mewakili syarikat menyerahkan zakat RM2,604,885.77.

Pengerusi Pharmaniaga Berhad, Dato' Sri Mohammed Shazalli bin Ramly mewakili syarikat menyerahkan zakat RM2,000,000.00.



Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat, Dato' Syed Abdul Aziz Syed Hassan mewakili syarikat menyerahkan zakat RM827,743.00.

Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Dr. Syahnaz binti Sulaiman mewakili syarikat menyerahkan zakat RM714,942.00.



Pengarah Wilayah Agrobank negeri Perak, En. Mohamad Sukri bin Yusop mewakili syarikat menyerahkan zakat RM277,429.00.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tn. Shahruh Azam bin Shaari menerima serahan cek zakat daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

## PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

**PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN RM3 JUTA PADA 17 DISEMBER 2021**



Ketua Pegawai Eksekutif Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd., Tuan Haji Mubarok Ali bin Gulam Rasul mewakili syarikat menyerahkan zakat RM1,106,400.54.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, En. Zulkefli bin Abdullah mewakili syarikat menyerahkan zakat RM500,000.00.



Mewakili syarikat Menteri Besar Incorporated (Perak), En. Anuar bin Zainal Abidin menyerahkan zakat RM420,000.00.



Pengurus Besar KPJ Sri Manjung Specialist Hospital, Encik Badrul Hisyam bin Ibrahim mewakili syarikat KPJ Ipoh Specialist Sdn. Bhd. menyerahkan zakat RM335,000.00.



Ketua Pegawai Operasi Perak Integrated Network Services Sdn. Bhd., Encik Adi Reza bin Abdul Razak mewakili syarikat menyerahkan zakat RM325,000.00.



Ketua Pegawai Kewangan QSR Brands (M) Holdings Bhd., Tn. Hj. Razak bin Nordin, mewakili syarikat menyerahkan zakat RM319,708.00.



Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tn. Shahrul Azam bin Shaari menerima serahan cek zakat daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

# MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MASJID ANGKAT DAN PENYERAHAN WAKALAH ZAKAT MAYBANK ISLAMIC

**IPOH, 17 Disember 2021** – Maybank Islamic menerusi Pejabat Maybank Wilayah Perak melancarkan Program Masjid Angkat dan menyerahkan sumbangan RM98,923.76 daripada dana wakalah zakat membantu para pelajar daripada golongan asnaf yang kurang berkemampuan di sekitar negeri Perak. Sumbangan disampaikan melalui 19 buah masjid yang telah terpilih. Majlis pelancaran program dan penyerahan replika cek wakalah zakat berkenaan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Masjid Jamek Medan Klebang Restu, Chemor.

Majlis turut dihadiri Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Ahli Lembaga Pengarah Maybank Islamic, En. Dali Sardar, Ketua Perbankan Komuniti Maybank Islamic, En. Azzady Jamaluddin, Pengarah Maybank Wilayah Perak, Datin Munirah Che Rose, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment Bank, Dato' Fad'l Mohamed, serta Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak. Program Masjid Angkat Maybank Islamic merupakan inisiatif merealisasikan transaksi tanpa tunai di 19 buah masjid terpilih di negeri Perak menggunakan aplikasi Maybank QR Pay untuk infaq atau derma kepada masjid berkenaan.





**TITAH  
DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG**

**PELANCARAN BUKU  
SIRI TITAH SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

TARIKH : 21 OKTOBER 2021/14 RABIUL AWAL 1443 (KHAMIS)  
JAM : 10.00 PAGI

TEMPAT : BALAI BUDAYA TUN SYED NASIR  
WISMA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Bismillahi Rahmani Rahim.

Segala puji milik Allah Subhanahu Wata'ala. Selawat dan kesejahteraan ke atas Rasul junjungan dan penghulu kami, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, semulia-mulia kejadian; kurniakan rahmat ke atas Baginda, demikian juga ke atas keluarga dan para sahabat Baginda yang merupakan bintang-bintang penunjuk cahaya, seterusnya ke atas para tabiin dan para ulama yang berperanan sebagai penyuluhan kegelapan. Semoga memperoleh ihsan sehingga hari kebangkitan.

2. Semasa berusia rebung, semasa kail panjang sejengkal, dan semasa akal mula memikirkan laluan hidup yang mahu diteroka, pelbagai perkara diimpikan, berlegar antara fantasi dan realiti; merangkumi tahap pengajian yang mahu dicapai, bidang pengajian yang mahu dipilih, bidang kerjaya yang mahu diceburi; menyeberangi kepada keinginan-keinginan berunsur peribadi.

3. Seusai pengajian di Universiti Oxford, dengan penentuan Allah Subhanahu Wata'ala, Raja Nazrin Shah memulakan dunia pekerjaan sebagai eksekutif pentadbiran di Petronas pada tahun 1979. Dunia pekerjaan mendedahkannya kepada pelbagai cabaran baharu dan saban masa turut dilanda persoalan baharu. Cabaran dan persoalan baharu, menginsafkan Raja Nazrin Shah bahawa ilmunya tidak setinggi mana; rupa-rupanya gunung masih tinggi untuk didaki, dan lautan masih dalam untuk diselami. Pada tahun 1983, Raja Nazrin Shah memilih untuk merantau, bermusafir dan berkelana, mengembara dan meneroka dunia ilmu yang terbentang luas apabila diterima mengikuti pengajian pasca ijazah di Universiti Harvard.

4. Manusia merancang, Allah Subhanahu Wata'ala Maha Penentu. Firman Allah dalam ayat 117 Surah Al-Baqarah bermaksud:

"Allah pencipta langit dan bumi dan apabila Dia berkehendakkan (untuk menciptakan) sesuatu,

maka (cukuplah) Dia hanya mengatakan kepadanya 'Jadilah', lalu jadilah ia".<sup>1</sup>

5. Paduka Ayahanda Raja Azlan Shah (Marhum Al-Maghfur-Lah) dimasyurkan sebagai Sultan Perak ke-34 pada 3 Februari 1984, berikutan kemangkatan secara mengejut Sultan Idris Iskandar Shah (Marhum Afifullah) pada 30 Januari 1984. Sebagai putera sulung, Raja Nazrin Shah telah dimasyurkan sebagai Raja Kecil Besar Perak pada 16 Februari 1984. Susulan kemangkatan Raja Muda Raja Ahmed Sifuddin ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 12 April 1987, dengan mengambil maklum keadaan kesihatan Raja Di Hilir Perak Raja Ahmad Hisham ibni Raja Abdul Malek, Dewan Negara Perak telah menyembahkan nasihat kepada Paduka Seri Sultan Perak agar Raja Nazrin Shah dilantik sebagai Raja Muda Perak, lantikan yang dimasyurkan pada 15 April 1987.

6. Dalam tempoh Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (Marhum Al-Maghfur-Lah) bersemayam sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja Nazrin Shah, ketika itu berusia 33 tahun, terpaksa menangguhkan pengajian Doktor Falsafah di Universiti Harvard kerana diperlukan kembali ke tanah air untuk menyempurnakan tanggungjawab Pemangku Raja antara 26 April 1989 sehingga 25 April 1994.

7. Gelaran dan jawatan berkembar dengan peranan dan tanggungjawab. Bersemayam atas takhta pemerintahan turut dikembari ujian besar. Seorang Raja Pemerintah ditetapkan melalui rutin harian yang banyak pantang larang, lebih banyak menghadapi perkara yang dilarang daripada perkara yang dibenarkan. Kebersendirian (atau privacy) hidup bagaikan tiada lagi, kerana baginda telah menjadi milik negeri dan kepunyaan rakyat; justeru perlu memastikan terbinanya wasilah antara raja dengan rakyat, berdasarkan peringatan kepada pewaris takhta yang telah diamanatkan turun temurun:

"Bapa kepada raja ialah syariat ajaran Rasul,  
Ibu kepada raja ialah adat dan undang-undang,  
Saudara kepada raja ialah segala Menteri Besar  
dan Kecil,  
Anak kepada raja adalah segala rakyat jelata,  
Bahawa raja itu bagaikan tiada bapa, ibu dan anak,  
Tidak diutamakan oleh raja kepentingan lain  
melainkan rakyat jelata  
Malah ungka siamang di hutan juga adalah di  
bawah jagaan raja"

8. Ketika diamanahkan dengan gelaran dan jawatan, dan ketika berhadapan dengan peranan dan tanggungjawab baharu, Beta pertamanya wajib

memahami bidang kuasa seorang Raja Pemerintah dalam sistem kerajaan yang mengamalkan doktrin raja berperlembagaan - demokrasi berparlimen. Menjadi tanggungjawab Raja Pemerintah untuk memastikan terjalin hubungan harmoni serta semangat saling menghormati dan saling memahami antara institusi istana dengan institusi rakyat berlandaskan perlembagaan.

9. Raja Pemerintah mempunyai tanggungjawab memastikan semangat Perlembagaan dan falsafah yang tersirat di sebalik perkara-perkara yang digubal difahami dan dilindungi. Setiap istilah dan setiap perkataan yang termaktub dalam Perlembagaan memiliki maksud tersendiri; dan hendaklah ditafsirkan secara bijaksana, halus, teliti dan tepat agar keadilan tidak tercicir.

10. Raja memerintah, dan bukan mentadbir, tetapi bertanggungjawab mengawasi dan memastikan berlakunya pentadbiran yang adil lagi saksama – teratur lagi telus; hendaklah berperanan sebagai penimbang tara yang bijak kepada cabang-cabang perundangan, eksekutif dan kehakiman, demi memastikan terlaksana secara bermakna mekanisme semak dan imbang, sekali gus membantu memperkuuhkan keyakinan rakyat kepada amalan demokrasi yang telus.

11. Raja Pemerintah berada dalam kedudukan yang berupaya mempengaruhi dan menentukan arah haluan. Vernon Bogdanor dalam bukunya "The Monarchy and the Constitution" menyatakan:

"Penumpuan mengenai kuasa perlembagaan yang ada pada raja berdaulat memberikan gambaran mengelirukan terhadap peranan kontemporari raja berperlembagaan, kerana peranan utama raja berlandaskan perlembagaan, berlangsung bukan sahaja ketika sesebuah kerajaan bermula atau berakhir, tetapi berlangsung dalam urusan harian kerajaan, melalui pengaruh berbanding kuasa"<sup>2</sup>

12. Bogdanor selanjutnya memetik konsep klasik triniti Walter Bagehot<sup>3</sup> pada pertengahan abad kesembilan belas yang menghuraikan pandangan bahawa raja berperlembagaan memiliki tiga hak:

Pertama: hak untuk menyampaikan nasihat dan pandangan.  
Kedua: hak untuk memberi galakan dan dorongan.  
Ketiga: hak untuk memberi peringatan dan teguran.

13. Raja Pemerintah yang arif, tidak memerlukan sebarang tambahan kuasa jika ketiga-tiga hak ini berjaya dikendalikan secara bijaksana lagi berhemah. Pesanan orang-orang tua, air setitik

1 Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2:117)

2 "Concentration upon the constitutional powers of the sovereign is liable to give a misleading picture of the contemporary role of a constitutional monarch, for the prime constitutional role of the sovereign occurs, not when a ministry begins or

comes to an end, but during the everyday life of a government, and consists in the exercise of influence rather than power"

3 Vernon Bogdanor, The Monarchy and the Constitution, (Oxford University Press, 1995), 410.

jadikan laut, tanah sekepal jadikan gunung, alam semesta jadikan guru. Menghayati pesanan orang-orang tua, dan berguru kepada alam, dalam sempadan peranan yang dibolehkan, Beta memilih untuk menyampaikan nasihat dan pandangan, memberikan galakan dan dorongan serta memberikan peringatan dan teguran melalui titah-titah yang dizahirkan.

14. Beta amat insaf bahawa takhta kerajaan ialah amanah dan anugerah Ilahi selaras dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 26 Surah Ali Imran bermaksud:

"Katakanlah: Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan daripada orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu"<sup>4</sup>

15. Amanah dan anugerah Ilahi dikembari dengan peranan dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan sesempurna mungkin agar rakyat merasakan institusi raja tetap relevan dan mempunyai peranan. Yang Arif Hakim Raja Tan Sri Azlan Shah (Marhum Al-Maghfur-Lah) dalam pidato sewaktu menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1980, menzahirkan peringatan:

"Bahawa selagi rakyat menaruh kepercayaan terhadap Raja dan menghormati institusi raja, selagi itu takhta tidak akan dipindahkan dari istana ke muzium...; bahawa takhta juga tidak boleh lari daripada hukum Allah, hukum yang ditetapkan ke atas seluruh umat manusia tanpa mengira raja atau rakyat."<sup>5</sup>

16. Beta menginsafi citra dan daulat turut dipengaruhi oleh keperibadian seseorang raja. Berpandukan semangat raja adil – raja disembah, kesetiaan dan keyakinan rakyat tidakkan bulat datang menggolek - tidakkan pipis datang melayang. Sejarah memberikan pengajaran, takhta akan hilang dan akan tinggal dalam kenangan, apabila Raja Pemerintah enggan menerima nasihat yang betul, disalah nasihat atau terasing dan gagal mendampingi rakyat untuk memahami denyut nadi dan denyut jantung mereka.

17. Beta menghargai usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerbitkan kumpulan titah yang telah Beta zahirkan. Usaha DBP ini, insyallah akan

membolehkan pemikiran dan pandangan Beta sampai kepada khalayak yang lebih luas. Terima kasih Beta secara khusus kepada Dato' Seri Dr. Awang Sariyan yang merintis usaha penerbitan ini sewaktu beliau menjawat jawatan Ketua Pengarah; Alhamdulillah usaha beliau diteruskan oleh Dato' Abang Sallehuddin bin Abg Shokeran.

Beta amat menghargai segala pemikiran, usaha, tenaga dan masa yang telah diberikan oleh pelbagai pihak untuk menghasilkan penerbitan ini, khususnya kepada editor penerbitan, Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, Puan Haslisha binti Mat Zahidi yang membantu kerja-kerja mengumpul, menapis dan menyunting; dan pereka buku, Encik Mohd. Shukry bin Mohd Nor. Demikian juga penghargaan Beta kepada para petugas yang menguruskan majlis pelancaran 'Siri Titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah'.

18. Beta zahirkan rasa besar hati kepada para hadirin yang meruang masa hadir untuk meraikan Beta; kehadiran Tun Musa Hitam, Tun Mohammed Hanif Omar, Tun Zaki Azmi serta kenalan dan rakan yang pernah membimbing dan membantu Beta, sesungguhnya bagaikan vaksinasi yang menyuntik roh dan semangat, agar Beta terus belajar untuk menyempurnakan amanah sebaik mungkin. Segala jasa mereka akan kekal abadi dalam memori, sepanjang hayat Beta.

Pisang emas dibawa baylor  
Masak sebijji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati.

19. Pada saat dikurniakan kemuliaan dan kejayaan daripada Ilahi, Beta sewajarnya merakamkan setinggi ingatan kepada ayahanda bonda, para guru serta para pemimpin yang telah mengasuh, mendidik, dan membimbing Beta. Sama-sama Beta pohon kita membaca surah Al-Fatihah, semoga ganjaran daripadanya disampaikan kepada roh ibu bapa, para guru dan para pemimpin yang begitu berjasa kepada kita. Al-Fatihah.

Wabillahi taufik walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

4 Al-Quran; Surah Ali 'Imran (3:26)

5 Raja Tan Sri Azlan Shah, "Ucapan wakil siswazah kehormat", Universiti Sains Malaysia, 25 Jun 1980.

# MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN MCDONALD'S MALAYSIA PERINGKAT NASIONAL 2021



**PUTRAJAYA, 16 NOVEMBER 2021** – Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan McDonald's Malaysia Peringkat Nasional 2021 diadakan di McDonald's Putrajaya Presint 2. Majlis disempurnakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Haji Ahmad Marzuki bin Shaary, bersama Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, En. Amir Jaafar, dan wakil institusi zakat 14 negeri.

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) diwakili Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tn. Shahrul Azam bin Shaari, dan Pengurus Besar Bahagian Pemasaran, MAIPk, En. Ahmad Nazim bin Md Tajuri. McDonald's Malaysia mengagihkan zakat perniagaan RM2 juta kepada 14 negeri. Ia merupakan jumlah terbesar semenjak McDonald's Malaysia membayar zakat perniagaan lima tahun lalu apabila syarikat itu diambil alih Lionhorn Pte. Ltd., sebuah anak syarikat Kumpulan Reza dari Arab Saudi. Semoga bayaran zakat McDonald's Malaysia memberi rahmat dan manfaat bagi masyarakat di negeri Perak.

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk SERTAI THE 9TH GLOBAL WAQF CONFERENCE (GWC 2021)



The 9th Global Waqf Conference (GWC 2021) telah diadakan secara maya pada 1 - 2 Disember 2021. GWC 2021 merupakan persidangan tahunan wakaf terbesar di dunia menghimpunkan pakar dalam dunia wakaf dari pelbagai negara. Pada tahun ini, GWC dianjurkan oleh Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws and Harun M Hashim Law Centre, UIAM dengan kerjasama rakan strategik Wakaf Centre Indonesian Development & Studies (WaCIDS), Finterra, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Al Medina International Universiti (MEDIU) dan pelbagai institusi lain. Penyertaan aktivis wakaf daripada penjawat awam, pengamal wakaf, pakar perbankan dan kewangan, perunding syariah, ahli akademik, NGO dan pengamal fintech Islam turut memeriahkan GWC 2021. Tujuan pelaksanaan GWC 2021 antaranya sebagai tempat perbincangan strategik melihat perkembangan wakaf dari pelbagai negara dan menyebarkan hasil penyelidikan terkini berkaitan dunia wakaf. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tn. Shahrul Azam bin Shaari, menyertai GWC 2021 dengan membentangkan kertas kerja bertajuk "Meleraikan Belenggu Demi Kelestarian Wakaf".



Imbas untuk menonton

# 300 USAHAWAN ASNAF TERIMA BANTUAN TABLET DAN PELAN DATA INTERNET

**IPOH, 17 September 2021** - Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Tablet dan Pelan Data Internet kepada usahawan asnaf MAIPk disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Pn. Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Turut hadir Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat, En. Mohd Saufi bin Ibrahim, dan Pengurus Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Encik Noraizad bin Rosli. Pada majlis tersebut MAIPk telah menyampaikan tablet dan pelan data internet kepada 10 orang usahawan sebagai simbolik.



## Info

Tablet	: RM231,000.00
Data Internet 3 bulan	: RM64,882.00
Jumlah Keseluruhan	: RM295,882.00

## Tujuan

1. Meningkatkan keupayaan & kemahiran digital dalam kelompok usahawan asnaf;
2. Membantu mempromosikan perniagaan & perkhidmatan secara 'online'.
3. Membantu meningkatkan semula daya saing usahawan asnaf dalam sektor ekonomi.

## Ringkasan 300 Penerima Tablet Mengikut Daerah :

1. Bagan Datuk : 7 orang
2. Bagan Serai : 12 orang
3. Batu Gajah : 3 orang
4. Gerik : 17 orang
5. Ipoh : 48 orang
6. Kampar : 16 orang
7. Kg. Gajah : 12 orang
8. K.Kangsar : 21 orang
9. Lenggong : 10 orang
10. Manjung : 28 orang
11. Muallim : 16 orang
12. Parit Buntar : 13 orang
13. Pengkalan Hulu : 9 orang
14. Selama : 9 orang
15. Seri Iskandar : 19 orang
16. Taiping : 28 orang
17. Tapah : 22 orang
18. Teluk Intan : 10 orang

# MARTABAT SENI KHAT UNTUK GENERASI MUDA



**IPOH, 11 Oktober 2021** - Inisiatif menghidupkan seni khat perlu dilakukan dalam usaha mempertahankan warisan itu daripada pupus. Menteri Besar Perak, YAB Dato' Saarani Mohamad berkata, khat sebenarnya bukan sekadar seni tetapi unsur yang sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia. Menurutnya, sistem penulisan khat terbukti telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW sehingga zaman sahabat dan diikuti dengan zaman-zaman pemerintahan Islam yang lain.

"Saya sebenarnya amat berbangga kerana Gerakan Belia 4B Perak mengerakkan inisiatif menghidupkan seni khat. Di banyak negara, seni khat dianggap suatu warisan berharga yang perlu dipertahankan daripada pupus. "Seni kaligrafi mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penutup Pertandingan Seni Khat Remaja Peringkat Negeri Perak secara maya pada Isnin.

Selanjutnya, YAB Dato' Saarani Mohamad berkata, pihaknya amat menghargai komitmen Gerakan Belia 4B Perak memartabatkan seni khat melalui pertandingan secara digital. Jelasnya, penglibatan anak muda menerusi pertandingan tersebut memberi pengharapan agar seni khat dapat diteruskan oleh generasi masa hadapan.

Sementara itu, pengarah Pertandingan Seni Khat Remaja Peringkat Negeri Perak, Wan Mohammad Afiq Wan Aris Fathillah berkata, pengajaran juluang kali Gerakan Belia 4B Perak itu mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendidikan negeri Perak, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Jabatan Agama Islam Perak dan Pejabat Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Perak.

Menurut Naib Pengurus (Remaja) Gerakan Belia 4B Perak itu, seramai 200 individu menyertai pertandingan melibatkan tiga kategori iaitu terbuka, sekolah menengah dan sekolah rendah. Beliau berkata, susulan pertandingan tersebut, Gerakan Belia 4B Perak akan menganjurkan kursus dan kelas asas seni khat kepada seluruh belia di Perak yang berminat. Dalam perkembangan berkaitan, johan kategori terbuka dimenangi Muh Faizul Amir Ramli, 35, manakala johan kategori sekolah menengah disandang Nur Tasneem Mohd Hafiz, 14 dan Nur Izzatul Humaira' Norshaharizal, 11, pula dinobatkan sebagai johan kategori Sekolah Rendah. Johan setiap kategori menerima wang tunai RM800 diikuti naib johan RM600 dan tempat ketiga RM400 manakala 10 peserta terbaik menerima hadiah saguhati.

## ANTARA PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN



KELAS tuisyen secara berpusat di empat sekolah terpilih disertai 100 pelajar penerima bantuan persekolahan MAIPk di bawah Asnaf Fakir Miskin.



PROGRAM Sirih Pulang ke Gagang Pelajar-pelajar Mesir (SIIRU 1.0) yang tamat pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir melibatkan 42 orang pelajar.



PROGRAM Penyerahan Tablet Kepada Pelajar Asnaf Tingkatan 5 bagi memudahkan pembelajaran secara dalam talian.



PROGRAM Penyerahan Bantuan Laptop kepada Pelajar Biasiswa yang diberikan kepada 32 pelajar yang mendapat keputusan cemerlang (12A, 11A, 10A) pada SPM 2020.

**NIKMATI REBAT CUKAI 100%**

BAGI PEMBAYARAN ZAKAT SEBELUM 31 DISEMBER 2021

# Tekad dan berkat: Skim Bantuan Pendidikan MAIPk



مجلس اسلام دارالریاض  
دان عادت ملايو فريان

untuk pembangunan asnaf negeri Perak

M AJLIS Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) menumpukan kepada Pembangunan Pendidikan Asnaf yang merupakan salah satu daripada empat teras utama agihan zakat di negeri Perak.

Program Pembangunan Pendidikan MAIPk diwujudkan bagi meringankan beban ketua isi rumah membayai keperluan pendidikan anak-anak mereka agar tidak tertinggal daripada pendidikan arus perdana sama ada di peringkat rendah, menengah atau pengajian tinggi.

Pelbagai skim bantuan disediakan mengikut keperluan setiap peringkat pendidikan, malah mengambil kira keperluan tambahan bagi memastikan golongan anak-anak asnaf mendapat sokongan sepenuhnya bagi mencapai kecemerlangan.

" Sesungguhnya ALLAH tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri mengubah nasibnya ." (Surah ar-Ra'd, ayat 11)

Maksud ayat Surah Ar-Ra'd itu jelas menyatakan sesiapa yang berusaha akan memperoleh kejayaan.

Anak-anak asnaf yang menerima Skim Bantuan

### Pedoman Hari Ini

"Barangsiapa menempuh jalan (cara) untuk mendapatkan ilmu, maka Allah pasti mudahkan baginya jalan ke syurga."

(Hadis Riwayat Muslim)

Program Pembangunan Pendidikan MAIPk diberi tumpuan dan sokongan bagi mengubah taraf hidup keluarga mereka.

Moga keberkatan zakat para pembayar dan teknologi pelajar-pelajar memberikan impak positif dalam pembangunan taraf hidup golongan asnaf di Perak.

### PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MAIPk

SKIM BANTUAN	2020	2021 (JAN-OKT)*	PERINGKAT PENGAJIAN
Bantuan Persekolahan	RM6,736,685.00 33,683 orang	RM4,197,368.35 34,074 orang	Darjah 1 hingga Tingkatan 5
Skim Biasiswa Pelajaran	RM749,000.00 749 orang	RM3,128,024.80 683 orang	Tingkatan 2, 3, 4 dan 5.
Bantuan Am Pelajaran	RM6,947,410.00 9,424 orang	RM4,368,297.00 5,847 orang	Sijil Diploma Ijazah
Bantuan Dermasiswa Dalam Negara	RM4,091,582.08 1,409 orang	RM2,723,502.00 969 orang	Pondok / Tahfiz Diploma Ijazah
Bantuan Dermasiswa Luar Negara	RM4,308,100.08 817 orang	RM2,080,900.00 384 orang	Sarjana Muda Pondok

\*Data belum diaudit

### SALURAN BAYARAN ZAKAT SECARA ONLINE

**FPX**  
FPX melalui <https://ezakat.maiamp.gov.my>

**GOPAYZ**

**SnapNPay**

**Shopee**

**myeg**

### BANTUAN KHAS PENDIDIKAN - SEMASA TEMPOH PANDEMIK (2020-2021)

BANTUAN	PERINCIAN	JUMLAH (RM)
Pemberian tablet dan data internet kepada penerima bantuan biasiswa dan bantuan persekolahan MAIPk (Tingkatan 5)	Jumlah keseluruhan penerima bantuan ini sebanyak 2,217 mengikut perincian berikut : ■ 2,000 pelajar bantuan sekolah ■ 217 pelajar biasiswa	1,330,300.00
Pemberian komputer riba kepada pelajar biasiswa cemerlang Tingkatan 5 tahun 2020	Pemberian kepada 32 orang pelajar mendapat keputusan cemerlang (12A, 11A, 10A) dalam SPM 2020	64,000.00
Tajaan bekalan makanan Institusi Pendidikan	Bekalan makanan kepada 11 Universiti Awam / Swasta melibatkan 5,128 pelajar	200,000.00
Bantuan kebajikan pelajar luar negara	Bantuan kebajikan melibatkan mahasiswa / mahasiswi yang berada di luar negara (Mesir / Jordan) ■ Pelajar Mesir : 463 orang ■ Jordan : 73 orang	200,000.00

### Program Pembangunan Pendidikan, MAIPk

"Memperkasa pendidikan asnaf dan membangunkan Ummah menerusi pemantapan ilmu"

Untuk pertanyaan atau sebarang maklumat lanjut mengenai zakat Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak, sila hubungi:

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000, Ipoh, Perak | TEL: 05-208 4000

f Zakat Perak – MAIPk

www.maiamp.gov.my

05 – 208 4000



# Skim Dermasiswa Luar Negara MAIPk Lahirkan Pelajar Cemerlang

**Dermasiswa ini akan terus dilaksanakan pada tahun hadapan untuk bantu pelajar dapat penajaan pendidikan di luar negara**

**S**kim Dermasiswa Luar Negara Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) adalah skim bantuan penajaan pendidikan bagi pelajar-pelajar asnaf fisabilillah yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di luar negara.

Pada tahun 2021, seramai 384 pelajar menerima manfaat tajaan skim bantuan ini. Manakala pada tahun yang sama, hampir 200 pelajar tajaan telah berjaya menamatkan pengajian mereka.



Nama Pengajian : Muhammad Khairi Jamaluddin  
 Ijazah Sarjana Muda Ulum Islamiah,  
 Universiti Al-Azhar  
 Umur : 25 Tahun  
 Asal : Teluk Intan, Perak  
 Bantuan MAIPk : Penerima Dermasiswa Luar  
 Negara berjumlah RM28,400  
 (4 tahun pengajian)



Nama Pengajian : Muhammad Naim Mohd Ikmal Hisham  
 Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah,  
 Universiti Al-Azhar  
 Umur : 23 Tahun  
 Asal : Chemor, Perak  
 Bantuan MAIPk : Tajaan penuh Dermasiswa  
 Luar Negara berjumlah RM29,500  
 (4 tahun pengajian)

#### Pencapaian akademik:

- Semasa di Universiti Al-Azhar, beliau berjaya mengharumkan nama keluarga dengan pencapaian Mumtaz dari tahun pertama sehingga tamat pengajian. Beliau memperoleh keputusan keseluruhan Mumtaz Ma'a Martabat Syaraf (90%).



Nama Pengajian : Noor Adilah Rosli  
 Ijazah Sarjana Muda Syariah  
 Islamiah, Universiti Al-Azhar  
 Umur : 22 Tahun  
 Asal : Batu Kurau, Perak  
 Bantuan MAIPk : Tajaan penuh Dermasiswa  
 Luar Negara berjumlah RM29,500  
 (4 tahun pengajian)



Nama Pengajian : Aqilah Mohammad Sha'ari  
 Ijazah Sarjana Muda Ulum Islamiah,  
 Universiti Al-Azhar  
 Umur : 23 Tahun  
 Asal : Tapah, Perak  
 Bantuan MAIPk : Tajaan penuh Dermasiswa Luar  
 Negara berjumlah RM26,500  
 (4 tahun pengajian)

#### Pencapaian akademik:

- Semasa di Universiti Al-Azhar, beliau merupakan antara 10 orang Mahasiswa Antarabangsa (Wafidin) terbaik yang diumumkan oleh pihak universiti dengan memperoleh keputusan Jayyid Jiddan Bil Martabat Syaraf (86%).
- Mendapat keputusan peperiksaan Jayyid Jiddan sepanjang tahun pengajian di Universiti Al-Azhar.

- Semasa di Universiti Al-Azhar, beliau diumumkan oleh pihak universiti dengan memperoleh keputusan Jayyid Jiddan Bil Martabat Syaraf (88.63%).
- Mendapat keputusan peperiksaan Jayyid Jiddan pada tahun 1 dan 2, serta cemerlang pada tahun 3 dan 4 dengan keputusan peperiksaan Mumtaz.

#### SALURAN BAYARAN ONLINE ZAKAT MAIPk:

Zakat Perak - MAIPk

ZakatPerak

MAIPk Official

zakatperak\_official

**FPX**  
<https://ezakat.maiamp.gov.my>  
 POTONGAN GAJI ONLINE  
<https://epzb.maiamp.gov.my>  
 Tel : 05 - 208 4089

**GoPayz**

**SnapNPay**



Biller Code: 9027  
 Ref-1: Nama Pembayar  
 Ref-2: Nombor Telefon



Sentiasa di sisi Anda



#### MEDIUM BAYARAN WAQAF PERAK AR-RIDZUAN:

Waqaf Perak Ar-Ridzuan

Waqaf\_Perak

MAIPk Official

waqafperak\_official

**FPX**  
<https://www.wakafperak.gov.my>




Biller Code: 29892  
 Ref-1: Nombor yang dihasilkan dari janaan  
 pendaftaran di [www.wakafperak.gov.my](http://www.wakafperak.gov.my)  
 Nota : Pengguna baru perlu mendaftar portal



# MAJLIS PERASMIAN LONJAKAN KEUPAYAAN USAHAWAN ASNAF

IPOH, 13 Oktober 2021 - Majlis Perasmian Program Lonjakan Keupayaan Usahawan Asnaf Negeri Perak (PROJEP) 2021 disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahrul Azam bin Shaari. Turut hadir Pengarah STeP Negeri Perak, Encik Mohamad Rozlan bin Mohamad Razali, para pegawai serta lebih 300 usahawan asnaf yang dipilih khas mengikuti program latihan dan bimbingan khas oleh MAIPk dengan kerjasama STeP.

Para peserta akan menjalani latihan secara praktikal dan pendekatan mudah membantu meningkatkan kaedah pemasaran digital dan pengurusan kewangan. Mereka juga dipantau dan dibimbing oleh STeP dengan kerjasama jurulatih yang dilantik MAIPk selama 3 bulan bagi menilai kesan peningkatan perniagaan mereka. Para peserta terlebih dahulu menerima bantuan komputer tablet dan pakej data internet percuma selama 3 bulan untuk merangsang pendigitalan perniagaan mereka.



## SUMBANGAN MAIPk KEPADА MAHASISWA BARU

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui seliaan Pejabat Atase Pendidikan Perak telah menyerahkan sumbangan khas sebanyak RM2,000 seorang kepada Kumpulan Mahasiswa Baru Anak Perak. Sumbangan ini merupakan galakan dan pendorong semangat perjuangan anak-anak muda yang giat menghafal al-Quran. Majlis penyampaian sumbangan berlangsung di Dewan Shaikh Al-Marbawi, Wisma Perak Baitul Ridzuan. Penyampaian disempurnakan Atase Pendidikan Negeri Perak, En. Tasyreef bin Mohamad Tarmizi dan beliau turut menyampaikan ucapan dan menitipkan nasihat serta panduan kepada mahasiswa baru anak Perak.



# MAIPk TAJA 30 PELATIH KEMAHIRAN PENDIDIKAN DAN PENGASUHAN AWAL KANAK-KANAK

**IPOH, 16 November 2021** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) meneruskan usaha membangunkan modal insan di kalangan masyarakat Islam di negeri ini dengan membiayai 30 pelatih kemahiran asnaf menyertai Kursus Pendidikan dan Pengasuhan Awal Kanak-Kanak (PAKK). Program Peningkatan Kemahiran (Up-Skilling) yang julung kali dilaksanakan telah mengenalpasti kelompok asnaf yang berminat dalam bidang PAKK dan yang belum mempunyai sijil rasmi dan diiktiraf.

Bagi menjayakan program MAIPk telah melantik TAJ International College (TIC) untuk memberi kursus mempertingkatkan potensi serta kemahiran para pelatih yang terpilih. Program telah bermula secara atas talian sejak September 2021 akan mencapai matlamat melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang pengasuhan kanak-kanak dan dijangka dapat memberi pekerjaan terjamin serta meningkatkan taraf kehidupan para asnaf.



## TAKLIMAT PENYELARASAN PROGRAM PENTAUILAHAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 3 & PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT PNB



**IPOH, 30 November 2021** - Taklimat Penyelarasan Program Pentauliahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dan Penyerahan Sumbangan Zakat PNB telah diadakan di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Program bertujuan mengumpulkan butiran lengkap 33 orang usahawan asnaf MAIPk yang akan menerima tauliah Pensijilan SKM Tahap 3 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia pada 21 Disember 2021. Seramai 18 orang usahawan asnaf bakal menerima tauliah SKM dalam bidang spa manakala 15 orang dalam bidang salun rambut Muslimah. Taklimat telah disampaikan oleh Cik Nikky Pir Khan, Presiden Persatuan Spa Negeri Perak dan Puan Su Harisun yang memiliki tiga buah pusat Salun Rambut Humaira.

Pada majlis tersebut, Encik Noraizad Rosli, Pengurus Unit Pemeriksaan Anaf MAIPk dengan menyampaikan ucapan penghargaan dan tahniah kepada kesemua usahawan asnaf yang bakal menerima tauliah SKM Tahap 3 tersebut. Dalam majlis yang sama, MAIPk telah menyampaikan bantuan kewangan melalui dana zakat Permodalan Nasional Berhad (PNB) menampung kos majlis graduasi usahawan asnaf. Penyerahan bantuan disempurnakan al-Fadhil Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, MAIPk.

Syabas dan tahniah kepada kesemua usahawan yang berkenaan kerana telah membuktikan bahawa segala bantuan dan sokongan yang diberikan MAIPk selama ini tidak sia-sia. Kejayaan mereka turut menjadi kebanggaan para muzakki negeri Perak. Semoga kejayaan yang dicapai ini mencetuskan keazaman, keyakinan dan kesungguhan dalam kalangan asnaf yang sedang membina suatu kehidupan yang lebih bermakna menerusi pelbagai bantuan yang disalurkan oleh pihak MAIPk.

# MAIPK PRIHATIN BANTU ASNAF

## 1 | BANTUAN PERUBATAN



Bantuan mesin pengering luka kepada Encik Adnan Nasir yang menghidap penyakit buah pinggang dan kencing manis di Kg. Lambak, Tg. Malim, 24 September 2021.



Bantuan perubatan lampin pakai buang untuk kegunaan selama setahun kepada Encik Alias Kamal Hizat di Bagan Datuk, 24 September 2021.



Bantuan mesin oksigen kepada Puan Halimah Basri di Kg. Klant Halt 3, Simpang Felda Sg. Behrang, Slim River, 28 September 2021.



Bantuan barang keperluan kesihatan kepada Hossni bin Zainun yang mengalami strok seperti katil boleh laras, sebuah kerusi roda, lampin pakai buang, susu khas serta sumbangan wang tunai di Kg. Tersusun Gelong Gajah, Brrias, 20 November 2021.



Bantuan alat mesin oksigen kepada Encik Imil bin Dan yang menghidap penyakit lelah yang kronik di Felda Sungai Behrang, Slim River, 22 November 2021.



Bantuan perubatan katil hospital, susu formula, kerusi roda, kerusi sokongan pergerakkan dan lampin pakai buang bernilai lebih RM8,000.00 kepada Encik Mohd Rohailzal bin Kassim yang mengalami serangan strok di Klant Halt 2, Slim River, 23 November 2021.

## 2 | BANTUAN KECEMASAN



Bantuan kecemasan mangsa banjir di sekitar Mukim Rungkup, 15 September 2021.



Penyerahan bantuan bencana kebakaran berjumlah RM10,000.00 kepada Encik Bahudin bin Kulop. Rumah beliau terbakar pada 10 Mei tahun 2021 di Kg. Padang Tembak, Teluk Intan.

## 3 | BANTUAN MODAL



Bantuan perniagaan kepada Encik Ahmad Rizal Lim bin Abdullah di Kg. Baru Slim Village, 6 September 2021.



Bantuan peralatan mesin rumput di Mukim Teluk Bharu, 15 September 2021.

## 3 | BANTUAN MODAL



Bantuan oven dan mesin pengadun tepung kepada Puan Norliza binti Abdullah yang bermiaga roti dan kek secara kecil-kecilan untuk diantar ke kedai berhampiran rumah di Kg. Piong, Slim Village, 28 September 2021.



Bantuan mesin pemerah tebu kepada Encik Nazarudin bin Yaakob di Kg. Sungai Muda, Slim Village, Slim River, 27 Oktober 2021.



Bantuan peralatan perniagaan kepada Puan Normah binti Shaari dan suaminya bermiaga kedai makan di Kampung Sangkut,Ijok, Batu Kurau, 8 November 2021.



Bantuan mesin penguli doh kepada Encik Ahmad Ismail bin Napiah di Manjung, 9 November 2021.



Bantuan peti sejuk beku dua pintu bernilai RM3380 kepada Puan Nur Syakirin binti Abd Halil, Pekan Rantau Panjang, Selama, 27 November 2021.



Bantuan sampan dan enjin berjumlah RM18,000.00 kepada Encik Anuar Osman yang merupakan OKU fizikal, tangan kanannya kudung akibat kemalangan jalan raya, walaupun dirinya serba kekurangan beliau tetap bekerja sebagai nelayan sepuh masa untuk menyara keluarganya di Bagan Datuk, 6 Disember 2021.



Bantuan peralatan pertanian kepada Encik Mohamad Azhar bin Ghazali berjumlah RM3445.00 di Kampung Gelok, Lenggong, 6 Disember 2021.



Bantuan peti sejuk beku dan tablet kepada encik Khairul Adha bin Abu Bakar yang mengusahakan perniagaan daging kambing perap di No 10, Kampung Gerik, 12 Disember 2021.



Bantuan peralatan pertukangan kepada Mohamad Salahuddin bin Yahya yang berkemahiran menempa peralatan tajam seperti pisau dan golok sebagai sumber mata pencariannya di PPMS Air Ibol, Lenggong, 22 Disember 2021.



Bantuan peralatan pertanian kepada Siti Latifah binti Haji Awang di Parit Buntar, 23 Disember 2021.

## 4 | BINA & BAIK PULIH RUMAH



Bantuan baik pulih rumah berjumlah RM10,000 kepada Encik Amran bin Ujang di Fasa 2F, Sri Manjung, 5 Ogos 2021.



Bantuan Bina Rumah Baiti Jannati kerjasama MAIPk dan TNB kepada Encik Sabri bin Din di Jalan Parit, Brrias, 28 September 2021.

## 4 | BINA & BAIK PULIH RUMAH



Bantuan bina rumah kepada Encik Mohd Pouzi bin Suhaimi bertempat di Kg. Padang, Behrang Stesen, 20 September 2021.



Bantuan baik pulih rumah iaitu bumbung rumah bernilai RM15,000.00 kepada Puan Khadijah binti Behak di Kg. Pasir Slim Village, 6 Oktober 2021.




Bantuan baik pulih rumah kepada Teh Binti Majid berumur 82 tahun di Kampung Telaga Air, Kuala Kurau, 3 November 2021.



Bantuan bina rumah Baiti Jannati kerjasama MAIPk dan TNB kepada Puan Rohanum Shaari di Jalan Changkat Jong, 17 November 2021.



Bantuan bina rumah Baiti Jannati kerjasama MAIPk dan TNB kepada Puan Noramah Baharum di Parit 15A Sungai Manik, Teluk Intan, 17 November 2021.



Bantuan baik pulih rumah sebanyak RM15,500 kepada Mohamad Nazeri bin Abd Rahman di Kampung Pulau Belayar, Gerik, 20 November 2021.



Bantuan baik pulih rumah berjumlah RM15,000 kepada Nurharliza binti Bidin, 42 tahun di Kampung Dato Haji Kamaruddin, Bidor, 3 Disember 2021.

## 5 | BANTUAN KOMPUTER RIBA



Bantuan komputer riba kepada saudari Tasnim (diwakili mak beliau) penerima biasiswa Baitulmal MAIPk berjaya memperoleh keputusan 12A dalam peperiksaan SPM yang diduduknya pada tahun 2020. Kini saudari Tasnim menyambung pelajarannya di Institut Pendidikan Guru (IPG) Melaka.

Bantuan komputer riba kepada saudara Muhammad Aiman bin Malib di Kg.Sempeneh Cempaka, Batu Kurau, 17 Disember 2021 . Kini saudara Muhammad Aiman merupakan pelajar Universiti Teknologi Petronas dalam bidang pengajian Kejuruteraan Komputer.

# ZAKAT SUBURKAN KEADILAN, BELA GOLONGAN DIUJI KEMISKINAN

**Zakat** yang menjadi sebahagian daripada lima Rukun Islam, adalah satu amalan penting yang dapat menyucikan diri dan harta dimiliki.

Dalam al-Quran, Allah SWT menyebutkan hal berkaitan perintah berzakat sebanyak 35 kali, yang mana 32 daripadanya digandingkan dengan perkataan 'solat'.

Antaranya seperti firman Allah SWT yang bermaksud, Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuhlah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk. (Surah Al-Baqarah, ayat 43).

Dalam satu lagi firman-Nya, Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya melaksanakan kewajipan ini : Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engku bersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (Surah at-Taubah, ayat 103).

Jelaslah di sini bahawa hasil pengagihan zakat yang sempurna mampu meningkatkan ekonomi umat Islam menerusi keupayaan mereka untuk menjadi ekonomi keluarga dan membantu membebaskan asnaf daripada kepompong kemiskinan.

Lapan golongan asnaf sentiasa menjadi perhatian dan terus dibantu oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pusat urus zakat.

Malah, era pandemik COVID-19 dan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan banyak memberi impak kepada masyarakat. Justeru, pelbagai inisiatif dan langkah dilaksanakan MAIN dalam membantu mereka yang terjejas dengan wabak ini.

Pihak MAIN sentiasa proaktif membantu masyarakat tidak kira dalam apa jua keadaaan.

Peranan MAIN amat besar dalam membantu golongan asnaf, mereka yang terkesan dengan wabak ini, termasuk mereka di barisan hadapan.

Hakikatnya, ia adalah satu komitmen sangat besar dan berpanjang. MAIN mendapat keperluan zakat terus meningkat dari semasa ke semasa.

Fenomena pandemik menjelaskan pelbagai sektor ekonomi yang memberi kesan kepada masyarakat dan kutipan zakat itu sendiri. Pandemik menyebabkan ribuan pekerja diberhentikan, malah banyak perniagaan merudum.

Kesannya kutipan zakat juga turut mengalami penurunan. Paling membimbangkan, mereka yang terjejas ini boleh berubah status menjadi orang miskin.

Hal ini dipaparkan oleh laporan akbar mengenai krisis COVID-19 yang menyebabkan perubahan kepada tahap pendapatan rakyat Malaysia, apabila lebih 600,000 isi rumah berpendapatan pertengahan (M40) tergelincir ke dalam kategori berpendapatan rendah (B40).

**Fenomena pandemik  
menjejaskan pelbagai sektor  
ekonomi yang memberi kesan  
kepada masyarakat dan kutipan  
zakat itu sendiri**

Di saat kutipan zakat berisiko menurun, jumlah penerima bantuan pula bertambah. Pastinya senario ini cukup membimbangkan.

Oleh itu, marilah kita sama-sama membantu menangani masalah ini. Kepada yang cukup dan layak mengeluarkan zakat, bersegeralah menuaikan kewajipan ini.



Oleh Mohd Yakop Igram

Sesungguhnya pensyiaran zakat kepada manusia adalah bertujuan untuk menyuburkan keadilan dalam kehidupan manusia dan membela golongan yang diuji dengan kemiskinan dan kesuhanan.

Ia bukan sahaja dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang menerusi agihan semula kekayaan kepada golongan asnaf, malah menyucikan harta dan jiwa bagi pembayar zakat.

Orang yang membayar zakat tidak akan menyebabkan seseorang itu miskin atau berkurang hartanya, kerana dalam zakat ada hikmah dalam bentuk keberkatan yang dikurniakan Allah SWT kepada pengeluar dan penerima zakat.

Berkat adalah suatu nikmat Allah SWT yang tidak dapat dilihat dan disentuh, tetapi dapat dirasai dan dinikmati kesannya dalam kehidupan searian.

Oleh itu, dengan membayar zakat kita akan mendapat keredaan daripada Allah SWT dan mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan dan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara satu sama lain.

Mudah-mudahan, zakat yang kita keluarkan menjadi punca datangnya bantuan daripada Allah SWT kepada kita, dilaaskan pintu rezeki dan diajukan musibah.

Memasuki Diesember sebagai bulan terakhir 2021 ini, ramai masyarakat menuaikan zakat dan pengeluar zakat juga akan diberikan rebat untuk cukai pendapatan tahunan.

Kesimpulannya, kutipan zakat yang meningkat akan memastikan wang zakat yang dikutip mencukupi bagi menampung perbelanjaan asnaf yang semakin meningkat.

Semoga dengan kesungguhan dan keprihatinan kita terhadap syariat Allah SWT ini akan mengundang keberkatan dan pertambahan rezeki yang lebih banyak pada masa akan datang.

## 8 GOLONGAN ASNAF

### 1 Fakir

Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan daripada sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50 peratus keperluan harian dan keperluan tanggungannya, serta tidak sampai 50 peratus belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungannya.



### 2 Miskin

Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya, tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung tanggungannya.

### 3 Amil

Mereka yang terbabit secara langsung dengan institusi zakat sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.



### 4 Muallaf

Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya).

### 5 Al-Riqab

Memerdekaan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan perlakukannya sama ada fizikal atau mental.

### 6 Al-Gharimin

Golongan berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.



### 7 Fisabilillah

Mereka yang terbabit aktiviti menegakkan dan mempertahankan Islam, selain dakwah dan kebajikan agama.

### 8 Ibnu Sabil

Mereka yang dalam perjalanan bagi maksud diluluskan syarak dari mana-mana negeri atau negara yang memerlukan bantuan.





## Pedoman Hari Ini

"Apabila meninggal dunia seorang manusia itu, maka terputuslah segala pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang mendoakannya." (Hadis Riwayat Muslim, 1631)

LAMA seperti Imam al-Rafie menyebut bahawa sedekah jariah yang dinyatakan dalam Hadis Riwayat Muslim itu merujuk kepada konsep, tanggungjawab dan maksud di sebalik wakaf.

Huraian maksudnya menunjukkan manfaat sedekah biasa yang lain hanya terhad kepada penerima sedekah sahaja. Sedangkan, fadilat daripada wakaf akan dinikmati oleh masyarakat secara berterusan.

Di negeri Perak, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) merupakan Pemegang Amanah Tunggal bagi semua harta wakaf yang terletak di dalam negeri itu.

Bagi memastikan kelestarian dana wakaf dapat berkembang seiring dengan perkembangan semasa khususnya bagi rakyat negeri Perak, Sultan Perak telah berkenan melancarkan penubuhan dana wakaf tunai, Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) pada 7 April 2016.

Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR)



PROJEK Wakaf Hemodialisis adalah salah satu projek di bawah

Untuk pertanyaan atau sebarang maklumat lanjut mengenai wakaf dan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak, sila hubungi:

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000, Ipoh, Perak | TEL: 05-208 4000 |

# Bayar wakaf, ganjaran berganda



Tawaran istimewa melalui medium bayaran wakaf tunai MAIPk

دان عادت مالیو شریان

diwujudkan untuk memartabatkan perekonomian Islam melalui medium wakaf dan memperkasakan ummah melalui pelbagai projek serta program mencakupi empat bidang utama iaitu pendidikan, kesihatan, ekonomi dan keagamaan.

WPAR juga menyediakan produk Wakaf Tunai untuk membantu masyarakat Islam di negeri Perak sebagai penerima manfaat bagi projek dan harta wakaf.

Wakaf Tunai yang disumbang akan ditukarkan kepada aset kekal atau digunakan bagi membentai program-program wakaf untuk pembangunan ummah di negeri Perak.

Bagi memudahkan masyarakat untuk berwakaf, MAIPk menyediakan pelbagai kaedah bayaran iaitu melalui pembayaran di kaunter, wakil kutipan serta medium bayaran dalam talian iaitu FPX, Perbankan Online serta aplikasi GoPayz dan SnapNPay.

MAIPk yang berfokus kepada meningkatkan perkhidmatan pelanggan dan memberi keistimewaan kepada para pewakaf, telah menambah baik dua medium bayaran dalam talian iaitu perbankan online Maybank2u dan Aplikasi GoPayz dengan ciri istimewa dan manfaat berganda.



## WAKAF BERGANDA

MAIPk dengan kerjasama Maybank Islamic Berhad telah melaksanakan Matching Grant Wakaf Tunai Waqaf Perak Ar-Ridzuan.

Maybank Islamic Berhad akan memadankan setiap nilai (RM) yang diwakafkan oleh orang ramai melalui M2U dengan nilai (RM) yang sama.

Ia bertujuan untuk memberi motivasi dan insentif kepada orang ramai bagi membuat sebanyak mungkin sumbangan. Sebagai contoh, setiap RM10 yang diwakafkan, Maybank Islamic Berhad akan menambah RM10 (Matching Grant) yang membawa kepada RM20 untuk dana WPAR.

### Cara Pembayaran Wakaf Tunai Melalui Maybank2u



## WAKAF TANPA TUNAI MELALUI MATA GANJARAN

MAIPk dengan kerjasama U Mobile Services Sdn Bhd telah mengeluarkan Kad Prabay Visa GoPayz MAIPk (Ta'awun) iaitu kad prabay yang dipautkan ke Aplikasi e wallet GoPayz.

Pemegang Kad Ta'awun mendapat kemudahan untuk berbelanja, memperolehi mata ganjaran (GoPointz) dan juga beribadah dengan Program Penurukan Automatik GoPointz Kepada Wakaf.

Program itu direka khusus untuk masyarakat Islam bagi mendapatkan manfaat berganda iaitu mudah berbelanja dan mata ganjaran (GoPointz) seterusnya berwakaf dengan mata ganjaran tersebut. Kini tanpa tunai pun, masyarakat boleh berwakaf.

Nikmati 100 peratus pulangan tunai (cashback) fi Kad Ta'awun dengan pendaftaran sebelum 31 Disember 2021.



### Cara Permohonan Kad Ta'awun melalui Aplikasi GoPayz:

- Muat Turun Aplikasi
- Sign Up
- Pergi ke "Dompet";
- Klik "Tunjukkan Semua Kad Saya";
- Pilih "Mohon Kad Baru"; dan
- Pilih "MAIPk Visa Prepaid"

### Cara pembayaran Wakaf melalui GoPayz:

- Log In
- Klik Services
- Klik Islamic
- Klik Wakaf
- Klik logo MAIPk
- Isikan Jumlah
- Sahkan
- Pilihan Pembayaran e wallet atau Online Banking

# Tunaikan Zakat DAN BERWAKAF KEPADA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)



## KAEDAH BAYARAN

### ZAKAT - MAIPk

- 19 Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- Amil / Perunding
- Kaunter Pos Malaysia

### WAQAF PERAK AR-RIDZUAN

- 19 Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- Wakil kutipan / Amil

### POTONGAN GAJI ONLINE

- [www.wakafperak.gov.my](http://www.wakafperak.gov.my)
- [epzb.maiamp.gov.my](http://epzb.maiamp.gov.my)  
(Tel. : 05-208 4089)

### SALURAN BAYARAN ONLINE

FPX melalui  
<https://ezakat.maiamp.gov.my>

#### Agen-agen Kutipan Zakat :



JomPay :  
Biller Code : 9027  
Ref-1 : Nama Pembayar  
Ref-2 : No. Telefon

Muat turun di Google Play & App Store



**PEMBAYARAN ZAKAT SEBELUM 31 DISEMBER**  
MELAYAKAN ANDA MENDAPAT REBAT CUKAI PENDAPATAN  
**100%**

FPX melalui  
[www.wakafperak.gov.my](http://www.wakafperak.gov.my)

#### Internet Banking melalui

Maybank  
[Maybank2u.com](http://Maybank2u.com)

JomPay :  
Biller Code 29892  
Ref 1 :  
Nombor yang dihasilkan dari janaan pendaftaran di [www.wakafperak.gov.my](http://www.wakafperak.gov.my)

Muat turun di Google Play & App Store



PERKHIDMATAN ATAS  
TALIAN MAIPk  
Layari portal  
[https://www.maiamp.gov.my/](http://www.maiamp.gov.my/)



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

05-208 4000

korporat@maiamp.gov.my

[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

Zakat Perak-MAIPk

Wakaf Perak Ar-Ridzuan